

Anwar dakwa diugut RM400,000

Pemimpin PKR sudah buat laporan polis

RIDA UDDIN DAUD
PETALING JAYA

Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa beliau menerima ugutan dan diminta membayar RM400,000 sekiranya enggan buku *Mengapa Anwar Tak Boleh Jadi PM* diterbitkan dan didedahkan kepada umum. Menurutinya, Pengerusi PKR Kedah, Datuk Johari Abdul telah

membuat laporan polis petang semalam dan beliau menyerahkan sepenuhnya siasatan kes tersebut kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Sekarang dia (Johari) dah buat laporan polis (terhadap orang yang jadi penulis picisan, dibayar, diupah.

"Dia ugut, kita tak bayar RM400,000, dia akan *publish* (terbitkan buku itu)," katanya ketika ditemui pada majlis makan malam hari raya anjuran Majlis Perniagaan Malaysia-India di sini malam tadi.

Petang semalam, Johari mendedahkan sebuah manuskrip bertajuk *Mengapa Anwar Tak Boleh Jadi PM* dihantar kepada beliau pada 10 Jun lepas.

Menurut Johari, penulis tersebut yang dipercayai Yahaya Ismail turut menghubunginya dan memintanya berjumpa dengan Anwar.

"Yahaya telah menghubungi saya untuk meminta saya berjumpa Anwar dan memaklumkan kepada Anwar bahawa dia telah siap buku ini dan ada pihak yang telah menawarkan kepadanya wang berjumlah RM400,000.

"Kalau Anwar tinggalkan sedikit jumlah wang tersebut, dia bersedia menyerahkan manuskrip tersebut kepada Anwar, mananya ini ada elemen peras ugut.

"Saya harap polis akan ambil tindakan," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat PKR di sini petang semalam.



Anwar pada sidang media di Petaling Jaya semalam.